

Pendekatan tangani kos sara hidup perlu lebih menyeluruh

Oleh Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari
bhrencana@bh.com.my

Pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan selepas kerajaan terbentuk, rakyat bukan sahaja mengharapkan satu penyelesaian ampuh kepada masalah peningkatan kos sara hidup, bahkan meletakkan harapan besar kepada Kerajaan Perpaduan untuk memastikan perubahan benar-benar berlaku.

Soalnya, bagaimana 'rawatan' kos sara hidup bakal dilaksanakan kerajaan nanti tidak menyakitkan, bahkan memberi manfaat berpanjangan kepada segenap lapisan rakyat.

Dari perspektif ekonomi, kos sara hidup merujuk kepada tahap kuasa beli isi rumah selepas mengambil kira kadar inflasi dan peningkatan pendapatan.

Kos sara hidup tidak menjadi masalah kepada isi rumah dan sesebuah negara jika kadar pendapatan meningkat lebih tinggi berbanding dengan inflasi.

Namun, ekonomi Malaysia mengalami keadaan sebaliknya, iaitu kadar pendapatan isi rumah mengalami pertumbuhan lebih perlahan berbanding inflasi terutama bagi golongan M40 dan B40.

Situasi ini bukan fenomena baharu, bukan juga hanya muncul selepas pandemik COVID-19, tetapi menjadi perbincangan sejak 2015. Namun, pasca pandemik COVID-19 meruncingkan lagi kedudukan kos sara hidup di negara ini.

Usaha menangani kos sara hidup perlu bersifat menyeluruh kerana pelbagai faktor mempengaru-

hi tingkat harga dan pendapatan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Maka, terdapat dua pilihan dasar boleh digunakan kerajaan dalam menangani kos sara hidup, iaitu pendekatan kos pengeluaran dan pendekatan pendapatan.

Dari perspektif pengeluar, kos bahan mentah terutama diimport, struktur pasaran dan rantai perbekalan bersifat monopolistik serta persekitaran global mempengaruhi tingkat harga dikenakan dalam pasaran.

Dari perspektif isi rumah, gaji dan upah diterima daripada pasaran buruh mempengaruhi keupayaan kuasa beli mereka kerana dua pertiga daripada pendapatan mereka dijana daripada pasaran buruh.

Tingkat gaji dan upah pula dipengaruhi struktur guna tenaga serta ekonomi seperti ketidakpadanan pekerjaan tinggi serta pengeluaran berintensifkan buruh.

Tentukan keutamaan intervensi

Justeru, kerajaan perlu menentukan keutamaan intervensi dasar dari sudut manakah memberi kesan cepat dalam mengimbangi kos sara hidup. Pendekatan kos pengeluaran atau pendekatan pendapatan?

Namun, kedua-duanya perlu bergerak secara serentak supaya isu ini dapat ditangani sepenuhnya pada masa hadapan. Intervensi ke atas kedua-dua pendekatan akan memberi implikasi kepada pengeluar, tetapi memberi pulangan lebih baik pada masa hadapan.

Analoginya, 'paracetamol' adalah pahit tetapi dapat memberi kelegaan kepada sakit kepala. Na-

mun, rawatan ini terbukti berjaya di negara maju

Produktiviti menjadi penghubung antara kedua-dua pendekatan kos dengan pendapatan. Produktiviti menilai keupayaan input pengeluaran seperti buruh dan mesin mengeluarkan output dalam sesuatu masa.

Produktiviti buruh umpamanya mengukur tahap keupayaan seorang mengeluarkan output. Semakin tinggi produktiviti buruh, semakin tinggi pengeluaran output dan hasilnya jumlah keuntungan bertambah.

Peningkatan produktiviti membolehkan pengeluaran mengekalkan margin keuntungan kerana jumlah pengeluaran dapat ditingkatkan walaupun subsidi dikurangkan.

Perlu juga difahami peningkatan produktiviti turut memberi impak kepada peningkatan gaji dan upah. Margin keuntungan diperoleh pengeluar hasil peningkatan produktiviti seharusnya dikongsi secara saksama dengan pekerja melalui peningkatan upah dan gaji.

Pendedahan manfaat peningkatan produktiviti hanya antara kaedah 'rawatan' ekonomi kepada kos sara hidup tidak menyakitkan pihak pengeluar dan memberi limpahan kepada pekerja. Terdapat kaedah ekonomi lain yang turut memberi manfaat dengan kesan sampingan yang rendah boleh dipertimbangkan kerajaan.

Hakikatnya, bebanan kos perbelanjaan dirasai golongan M40 dan B40 pada masa ini bukan sahaja terarah kepada makanan dan minuman, bahkan merangkumi pembiayaan pendidikan serta perumahan. Bermakna, kerajaan perlu menangani isu ini secara menyeluruh bersama pemegang taruh demi kebaikan rakyat dan negara.



Penganalisis ekonomi merangkap Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM)